



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“MADRASAH RAMADAN”

Tarikh Dibaca :

**4 RAMADAN 1442H/
16 APRIL 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“MADRASAH RAMADAN”****4 RAMADAN 1442H / 16 APRIL 2021**

الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضَّلَ شَهْرَ رَمَضَانَ عَلَى غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِمَزِيدٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْبَرَّةِ الْكَرَامِ، وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٨٣

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Madrasah Ramadan”**. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan

Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini akan dapat menyelamatkan kita dari wabak penyakit yang berbahaya ini.

Sidang Jemaah Yang Dimulikan,

ALHAMDULLAH, Kita amat bersyukur kerana dengan izinnya Allah SWT kita diberi peluang sekali lagi bertemu Ramadan al-Mubarak, bulan yang boleh kita ibaratkan sebagai madrasah yang berperanan mendidik kita menjadi insan yang cemerlang dan mukmin yang bertakwa sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

Menurut ahli tafsir muktabar, dapat difahami daripada ayat ini bahawa matlamat difardhukan ibadah puasa ialah menyediakan hati yang bertakwa – hati yang suci , **حَسَّاسِيَّة** (peka dengan ajaran Islam) dan takut kepada Allah SWT.

Menurut Syeikh Taha Abdullah al-‘Afifi dalam kitabnya **مِنْ وَصَايَا الرَّسُول** telah menghuraikan bahawa takwa adalah sifat takut dan rasa gerun dengan Allah SWT. Seterusnya, taat dan beribadah kepada Allah SWT serta membersihkan diri atau mengawal diri daripada dosa.

Al-Marhum Ustaz Said Hawwa dalam kitabnya **الْإِسْلَام** pernah menggambarkan bahawa – **وَرَمَضَانَ فِي الْحَقِيقَةِ مَدْرَسَةٌ** Ramadan pada hakikatnya adalah umpama

sekolah. Dengan erti bahawa segala ruang, masa, suasana dan persekitaran memberi didikan yang khusus lagi istimewa dan tiada bandingannya.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bulan Ramadhan adalah bulan membina kekuatan. Dr Muhammad al-Bahi dalam kitabnya **الْإِسْلَامُ فِي حَيَاةِ الْمُسْلِمِ** menyebut bahawa Bulan Ramadan adalah bulan

iman, kerana semua amalan yang dilaksanakan oleh orang yang benar-benar berpuasa dalam Bulan Ramadan itu melambangkan amalan yang lahir daripada keimanan kepada Allah SWT dan memperlihatkan keteguhan iman serta kekuatan hubungan dengan ajaran Islam. Kekuatan manusia bukan semata-mata terletak pada kekuatan anggota-anggota zahir tubuh badannya, tetapi kekuatan sebenarnya terletak pada kekuatan azamnya, kekuatan ruhnya dan kekuatan imannya yang, insya-Allah, mampu menghadapi dan mengatasi pelbagai kejadian serta masalah hidup tanpa lemah semangat atau berputus asa.

Madrasah Ramadhan mendidik hati dan minda agar sentiasa *muraqabah* dengan Allah SWT, (مُرَاقَبَةُ اللَّهِ), yakni sentiasa sedar bahawa segala amalan, gerak kerja bahkan

juga qasad (قَصْدٌ) atau azam dan niat kita diketahui, dilihat dan dinilai oleh Allah SWT.

Dan juga merasai kebesaran dan keagungan Allah SWT, pada setiap masa dan dalam semua hal. Sebaik-baik *muraqabah* ialah *muraqabah* yang sampai ke peringkat ihsan:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Bahawa kamu memperhambakan diri (beribadah) kepada Allah, seolah-olah kamu melihat-Nya (Allah) dan sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya (dengan mata kasar), maka sedarlah bahawa Allah melihat kamu.

Jika ada rasa مُرَاقَبَة الله maka insya-Allah tidak timbullah penyakit-penyakit masyarakat dalam kalangan orang beriman. Tidak timbul pengkhianatan, pecah amanah, rasuah, salah guna kuasa dan segala apa yang dilaknat oleh Allah SWT. Sebaliknya akan lahir sifat-sifat terpuji seperti jujur, amanah, bercakap benar, menepati janji, adil dan tawadhu' sepertimana dikehendaki dalam ajaran Allah SWT dan Sunnah Rasulullah SAW.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa dalam Bulan Ramadan adalah satu latihan membiasakan diri dengan kehidupan yang sulit dan payah, khususnya bagi para *da'i*, dengan cara mengasuh diri menahan daripada menikmati apa yang diingini dan disukai. Maka diri dapat dikawal dan dilentur untuk menjadikan *da'i* seorang hamba Allah SWT yang benar-benar patuh kepada-Nya.

Puasa adalah satu proses *self development* atau pembangunan jati diri. Tersebut dalam sebuah hadith qudsi, bermaksud:

"Setiap amal anak Adam diberikan ganjaran sepuluh kali ganda hingga tujuh ratus kali ganda kecuali puasa. Sesungguhnya ia adalah untuk-Ku, Akulah yang akan memberikan ganjarannya. Dia meninggalkan syahwat dan makan semata-mata kerana-Ku."

Puasa juga melatih kesabaran. Rasulullah SAW bersabda, bermaksud:

"Tiap sesuatu ada zakatnya, dan zakatnya badan adalah puasa, dan puasa itu separuh daripada kesabaran." **(Hadis Riwayat Ibnu Hibban)**

Puasa turut melatih diri untuk menghargai dan mensyukuri nikmat Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda, yang bermaksud:

“Pernah Tuhanku menawarkan kepadaku untuk menjadikan lembah Makkah penuh dengan emas. Aku menjawab: Tidak, ya Tuhanku. Akan tetapi aku ingin kenyang sehari dan lapar sehari. Jika aku lapar, aku semakin dekat dan ingat kepada-Mu, dan apabila aku kenyang, aku akan bersyukur dan memuji-Mu.” (Hadis Riwayat al-Tirmidzi)

Puasa seterusnya melahirkan rasa kasih terhadap manusia lain yang susah dan menderita. Nabi Yusuf AS banyak melakukan puasa padahal baginda berada di tengah-tengah perbendaharaan dunia. Di tangannya kekayaan dan dana yang melimpah ruah. Apabila ditanya, baginda menjawab:

“Aku takut, apabila aku kenyang, aku akan lupa kelaparan yang diderita oleh orang miskin.”

Sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud:

“Orang yang bersifat kasih sayang akan dikasihi Allah Maha Pemurah lagi Penyayang. Sayangilah makhluk di bumi nescaya kamu akan dikasihi oleh (Maha Penyayang) yang ada di langit” (Hadis Riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ramadhan adalah bulan mujahadah. As-Syahid Syed Qutb (dalam *Tafsir Fi Zilal*) menyatakan bahawa:

“Puasa merupakan medan memerangi dan memenangi tarikan hawa nafsu.”

Ustaz Abdullah Nasih ‘Ulwan (dalam buku Menuju Taqwa) menyatakan bahawa asas mujahadah terdapat dalam firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ٦٩

Maksudnya: “Dan orang bermujahadah (berusaha bersungguh-sungguh) di jalan Kami nescaya Kami akan pimpin mereka kepada jalan Kami dan Allah sentiasa bersama-sama dengan orang berusaha memperbaiki amalannya (muhsinin).” **(Surah al-Ankabut ayat 69)**

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Madrasah Ramadan sebenarnya mendidik manusia agar menjadi insan Rabbani di sepanjang hidup (dalam Bulan Ramadan dan selepas Bulan Ramadan). Yakni insan yang sentiasa berhubung dengan Allah SWT dan taat kepada-Nya. Kata-kata ulama:

كُونُوا رَبَّانِينَ وَلَا تَكُونُوا رَمْضَانِينَ

"Jadilah kamu manusia Rabbani dan janganlah kamu menjadi manusia Ramadhani"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اَكُوْغِ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُولِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاچْ فَرْمَايسُورِي اِكُوغْ،
تُونُكُو (Tunku) حَاجَه عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مَيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.